

Headline	TNB jawab aduan AJPG3		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Letters	Page No	34
ArticleSize	86 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,954		



TNB jawab aduan AJPG3

Merujuk kepada aduan yang dikemukakan AJPG3 [IMC99325], pihak TNB prihatin atas kesulitan yang dialami.

Untuk makluman, TNB sudah menaik taraf sistem pembilan bermula Julai 2016. Keadaan ini memberi kesan yang ketara kepada pelanggan TNB terutama berkaitan bil elektrik.

Peningkatan bilangan panggilan bertambah daripada biasa dan keadaan menjadi serius apabila pelanggan TNB lebih gemar mengambil inisiatif untuk hadir ke kaunter bagi mendapatkan penerangan secara terus.

Segala panggilan tidak dapat dijawab kerana anggota kerja kami sedang melayani pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan di hadapan mereka.

Susulan aduan ini, pihak TNB Pasir Gudang mewujudkan satu inisiatif khas iaitu dengan membabitkan tiga anggota kerja khusus bagi memastikan panggilan telefon pelanggan dapat dilayan serta-merta.

Sebarang maklumbalas mengenai pemasangan dan perkhidmatan TNB, pengguna boleh menghubungi telefon atau SMS ke 15454 (gangguan bekalan dan kerosakan lampu jalan), telefon atau faks ke 1300 88 5454 (bil elektrik atau yang berkaitan) dan e-mel ke alamat tnbcareline@tnb.com.my

Mohamad Dali Omar
b/p Ketua Jurutera Negeri
Bahagian Pembahagian, TNB